

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 83 ● 6 - 12 NOVEMBER 2020 ● PP19441/12/2018 (035014) PERCUMA

www.wilayahku.com.my

 [wilayahku.com.my](https://www.instagram.com/wilayahku.com.my)  [Wilayahku](#)  [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/@akhbarwilayahku)  [Wilayahku](#)  [WK TV](#)


Gelandangan Tidak akan berakhir?

ENTAH di mana silapnya, sebahagian gelandangan yang pernah diselamatkan semasa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) baru-baru ini kembali berkeliaran tanpa hala tuju. Ia seolah-olah

menunjukkan usaha yang dilakukan kerajaan bagi mengubah corak kehidupan golongan tersebut menemui jalan buntu.

Malah, lebih menyedihkan apabila ada yang menyatakan diri sudah sebat dengan kehidupan jalanan seumpama itu.

BERITA LANJUT DI MUKA 9, 10 DAN 11



Bas percuma Putrajaya umpama serampang dua mata

Lebih 4,000 pengguna mendaftar

Oleh NAZWIN NAZRI
dan AINI MAWAWI
Foto NAZIRUL ROSELAN

SETELAH mendengar keluhan dan rintihan daripada pelbagai pihak, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menerusi Perbadanan Putrajaya (PPj) memperkenalkan perkhidmatan bas percuma bagi pengguna di pusat pentadbiran kerajaan itu bermula 1 November ini.

Tawaran tersebut seolah-olah serampang dua mata apabila selain pengguna, pemandu dan beberapa pihak terlibat turut mendapat manfaat.

Ini kerana, masalah berkenaan bas henti-henti di Putrajaya sering ditimbulkan dan pernah menjadi ‘trending’ ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) dilaksanakan.

Ia berikutan, perkhidmatan bas itu dikatakan tidak mengikut jadual selain laluannya tidak menyeluruh sehingga menyukarkan pengguna.

Susulan permasalahan yang dihadapi, usaha yang menyeluruh dilakukan bermula awal bulan ini.

Menurut Ketua Setiausaha KWP, **Datuk Rosida Jaafar**, sebanyak 40 bas percuma disediakan khusus kepada warganegara sekali gus membantu meringankan beban golongan yang terkesan pandemik COVID-19.

Beliau berkata, perkhid-



BAS percuma Putrajaya merangkumi keseluruhan laluan di Putrajaya.

matan bas percuma itu akan bermula dengan 10 bas dan ditambah secara berperingkat yang mana pengguna boleh mendaftar bagi mendapatkan kad percuma.

Bagi warga asing pula, ujar beliau, golongan tersebut akan dikenakan caj RM1.50 bagi setiap perjalanan.

“Kemudahan bas percuma ini membabitkan semua laluan bas Nadi Putra di bawah kendalian Syarikat Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tour Sdn Bhd (PAPTT) membabitkan 12 laluan di sekitar Putrajaya.

“Selain dapat meningkatkan aktiviti pelancongan domestik

di pusat pentadbiran kerajaan ini, ia mampu membantu memulihkan ekonomi negara,” katanya selepas Majlis Pelancaran Bas Percuma di hentian bas Persiaran Perdana, Presint 2 baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden PPj, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain dan Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj, Datuk Azizi Ahmad Termizi.

Mengulas lanjut, ujar Rosida, perkhidmatan bas tersebut akan melalui 11 laluan kawasan perumahan, komersil dan pejabat selain di Presint 1 hingga 4.

Beliau berkata, kekerapan



KEADAAN dalam bas telah ditambah baik bagi keselesaan pengguna.

bagi laluan ini adalah setiap 15 minit pada waktu puncak, 20 minit pada waktu bukan puncak serta 30 minit pada waktu malam, hujung minggu atau cuti umum.

“Setakat ini 4,000 pengguna sudah mendaftar dan mereka berpeluang menggunakan perkhidmatan percuma untuk ke tempat kerja dan urusan seharian.

“Inisiatif bas percuma ini membabitkan anggaran kos berjumlah RM12 juta setahun dan dijangka meningkat 50 peratus pertambahan penumpang pada 2021,” katanya.

Laluan perkhidmatan

bas percuma itu bermula di Kompleks E (T500) melalui kompleks-kompleks kerajaan di sepanjang Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Presint 1 (Kompleks A, B, C, D & E) dan Persiaran Perdana (Presint 2, dan 3) sehingga ke Dataran Gemilang Presint 4.

Kekerapan bagi laluan utama itu adalah setiap 5 minit pada waktu puncak bermula 6.30 pagi sehingga 9 pagi dan 4 petang sehingga 6.40 petang.

Bas akan bergerak setiap 10 minit pada bukan waktu puncak serta 30 minit pada waktu malam, hujung minggu atau cuti umum. **WK**

Orang ramai teruja, harap berkekalan

PERKHIDMATAN bas percuma yang diperkenalkan bermula awal bulan ini amat membantu dalam aspek pengangkutan untuk memudahkan urusan serta menggalakkan aktiviti pelancongan di Putrajaya ini.

Ternyata ia mendapat pelbagai reaksi daripada orang ramai yang teruja dengan perkhidmatan bas tersebut. Malah ramai yang berharap agar ia berkekalan dan memberi banyak manfaat kepada semua pihak.

Menurut warganet yang dikenali sebagai **Yim Veera-**

sak, dia amat berharap agar kemudahan bas awam sentiasa konsisten agar tidak mendatangkan masalah kepada penduduk yang mengharapkan perkhidmatan tersebut.

“Bukan sahaja daripada segi pengangkutan bahkan penyelenggaraan juga perlu diberi perhatian yang serius agar terus relevan,” tulisnya.

Kenyataan Yim turut disambut oleh warganet yang dikenali sebagai **Norhisham Mohd Noor** yang turut mengharapkan agar kemudahan bas henti-henti ini diperting-

katkan lagi supaya memberi keselesaan kepada pengguna.

Sementara itu, menurut **Aina Saat** pula, pihak yang bertanggungjawab diharapkan tidak mementingkan aktiviti pelancongan semata-mata namun perlu memberi keutamaan kepada warga Putrajaya itu sendiri.

“Beri tumpuan kepada mereka yang duduk di sini dahulu terutamanya pekerja yang ingin ke tempat kerja dan pelajar sekolah. Kasihan budak sekolah kena balik jalan kaki ke rumah apabila bas tak kunjung tiba,” ujarnya. **WK**



WARGANET sambut baik perkhidmatan yang disediakan dan berharap lebih memudahkan pengguna.

PM harap semua sokong Belanjawan 2021

TAN SRI MUHYIDDIN YAS-SIN berharap semua Ahli Parlimen termasuk daripada blok pembangkang akan menyokong Belanjawan 2021 yang akan dibentangkan pada Jumaat ini demi kepentingan rakyat dan kebaikan negara.

Perdana Menteri optimis semua ahli politik komited dan akan bekerjasama untuk kebaikan negara.

"Pada sesi Parlimen lepas, tidak ada seorang pun Ahli Parlimen yang menentang Akta Kumpulan Wang COVID-19 (Langkah-Langkah Sementara bagi Pembentangan Koronavirus 2019)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media khas dengan Bernama dan stesen televisyen tempatan menjelang pembentangan Belanjawan 2021 pada 6 November.

"Melihat kepada kepentingan Belanjawan 2021 dalam meneruskan usaha menangani wabak COVID-19, melindungi kelangsungan hidup golongan mudah terjejas dan memacu ekonomi, saya berharap semua Ahli Parlimen daripada semua latar belakang politik akan menyokong Belanjawan 2021," katanya.



MUHYIDDIN

Muhyiddin berkata semua pihak perlu menumpukan usaha bagi membantu rakyat yang terkesan teruk susulan COVID-19 ketika negara berhadapan dengan situasi sukar dan menyulitkan.

"Isu di hadapan kita bukan isu kerajaan semata-mata tapi isu negara.

"Kalau kita sayangkan negara kita... kita nak selamatkan negara kita dengan apa cara pun," kata beliau.

Perdana Menteri berkata kerajaan sememangnya mempunyai tanggungjawab dan bebanan utama dalam perka-ra itu.

"Boleh ringankan bebanan itu jika semua pihak ketepikan fahaman politik dan membantu kerajaan.

"Jemaah menteri boleh laksanakan dan pegawai kerajaan yang diamanahkan pun boleh melaksanakannya, namun kalau pihak lain dapat membantu lagi dalam apa jua sekalipun, ia merupakan satu pengorbanan yang amat kita hargai," kata beliau.

Muhyiddin percaya belanjawan itu akan mendapat sokongan semua peringkat lapisan Ahli Parlimen dan seterusnya di peringkat Dewan Negara.

"Saya harap ini dapat ditunaikan supaya bebanan kerajaan dan rakyat dapat dikurangkan," kata beliau.

Perdana Menteri berkata belanjawan tersebut merupakan belanjawan yang inklusif kerana pandangan pelbagai pihak termasuk parti pembangkang, pertubuhan bukan kerajaan, ahli perniagaan dan rakyat diambil kira.

Beliau berkata ini merupakan kali pertama dalam sejarah negara input daripada pembangkang diambil kira dalam penggu-balan belanjawan negara.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dijadual membentangkan Belanjawan 2021 di Dewan Rakyat.

- BERNAMA

Kedai runcit dalam bas bakal diperkenal

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) akan memperkenalkan 'kedai runcit di dalam bas' menerusi Program Usahawan Muda Kota.

Menterinya, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, inisiatif baharu yang akan dilaksanakan dengan kerjasama sebuah syarikat bas tempatan bertujuan membantu warga kota yang terjejas akibat penularan COVID-19.

"Kita sedar ramai sumber pendapatannya terjejas akibat penularan wabak ini.

"Insya-Allah, kajian lokasi

dan konsep telah siap untuk 30 bas yang tidak terpakai. Ia akan diubah suai menjadi kedai runcit di bawah program Usahawan Muda Kota," menurutnya dalam catatan Facebook hari ini.

Usahawan Muda Kota merupakan program penggalakan yang dirangka bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) serta agensi kerajaan lain yang berkaitan dengan pembangunan usaha-wan. **WK**



LAKARAN konsep kedai runcit dalam bas.

Kementerian Wilayah Persekutuan peruntuk RM2.07 juta

PKPB: Nasib B40, penjaja Labuan terbela

Oleh NAZWIN NAZRI
winwilayahku@gmail.com

BAGI mengurangkan kesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Labuan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensinya memperuntukkan sejumlah RM2.07 juta kepada golongan penjaja dan B40.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, jumlah tersebut adalah daripada RM3.01 juta yang diperuntukan di bawah Inisiatif Wilayah Cakna 4.0 (IWC 4.0).

"Bagi program ini, 772 penjaja dan peniaga kecil berlesen di Labuan dikecualikan bayaran sewa premis niaga milik Perbadanan Labuan (PL) bermula Oktober sehingga 31 Disember ini.

"Turut terlibat adalah 468

orang peniaga kecil dan pasar awam milik agensi berkenaan yang mana mereka dikecualikan bayaran pembaharuan lesen perniagaan bagi tempoh yang sama.

"Penyewa perumahan awam milik PL juga dikecualikan bayaran sewa perumahan bagi tempoh tiga bulan bermula Oktober ini sekali gus memberi manfaat kepada 617 penyewa," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Annuar, bagi pemilik syarikat pula, diskaun sebanyak 30 peratus diberikan untuk kadar bulanan pajakan tanah milik perbadanan.

Jelas beliau, ia melibatkan 108 pemilik tanah daripada 85 syarikat.

Selain itu, ujar beliau, bau-car bantuan (*one-off*) buku latihan sekolah bernilai RM100 Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) akan diberikan kepada 2,000 pelajar sekolah daripada



GOLONGAN penjaja dan peniaga Labuan menerima manfaat daripada Inisiatif Wilayah Cakna 4.0.

keluarga miskin.

"Bayaran diskaun kom-paun turut diberikan pada kadar tetap RM15 sehingga 31

kepada enam Zon dan Sub Zon Majlis Perwakilan Penduduk Labuan bagi membolehkan program pencegahan COVID-19 dalam kalangan komuniti dilaksanakan.

"Program nyah kuman merangkumi aktiviti disinfeksi serta pembersihan menyeluruh di semua kawasan kemudahan awam Labuan juga dilaksanakan secara berterusan bagi membendung penularan wabak COVID-19," ujarnya.

Dalam pada itu, Annuar memberitahu, selain bantuan kepada warga Labuan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) juga meneruskan pemberian elau latihan kepada 700 atlet dan 103 jurulatih SUKMA Wilayah Persekutuan.

Tambah beliau, kira-kira 300 golongan gelandangan tidak terkecuali daripada menerima insentif khas yang diberikan kerajaan. **WK**

Disember khusus kepada warga pulau bebas cukai itu.

"Sumbangan (*one-off*) sebanyak RM3,000 diperuntukkan